



Mahkamah Tinggi/Sesyen/Majistret,
Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, 93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.

Telefon : 082-442228
Kawat : REGCOURT
No. Faks : 082-311575

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (40) dlm. JUD/134/4

Tarikh: 17 Jun, 2010

Hakim Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 4 TAHUN 2010 – WAKTU MAHKAMAH

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, melalui Arahan Amalan Bil. 4 Tahun 2010, (Arahan tersebut) berkuatkuasa 1 Julai 2010 waktu mula bersidang bagi semua Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret seluruh Malaysia adalah pada jam 8.30 pagi. Walau bagaimanapun perlu dinyatakan di sini bahawa di Sabah dan Sarawak antara factor yang diambil kira semasa penetapan masa bersidang untuk sesuatu kes di mahkamah adalah jarak dan tempoh perjalanan yang perlu diambil oleh seseorang peguam terutama yang datang dari luar daerah mahkamah tersebut.

3. Sehubungan itu, dalam mematuhi arahan tersebut Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah mengarahkan seperti berikut:

- (a) Tuan/Puan dikehendaki menggunakan budibicara tuan/puan dalam menetapkan masa perbicaraan sesuatu kes. Penetapan masa perbicaraan/pendengaran kes perlu dibuat secara berperingkat (staggered).
- (b) Penetapan masa perbicaraan/pendengaran sesuatu kes yang melibatkan peguam-peguam dari luar daerah hendaklah dibuat setelah mengambil kira waktu ketibaan mereka di mahkamah. Sebagai contoh, untuk kes-kes mahkamah Kuching yang melibatkan peguam dari Miri kes tersebut hendaklah ditetapkan pada jam 10.30 pagi dengan mengambil kira waktu ketibaan penerbangan pertama dari Miri. Dengan cara ini pihak-pihak terlibat boleh menjimatkan kos terutama kos sewa hotel. Contoh yang sama adalah digunapakai untuk mahkamah-mahkamah di Sabah.


- (c) Untuk memudahkan tugas menetapkan masa perbicaraan/pendengaran kes, kakitangan mahkamah tuan/puan (Jurubahasa atau Pembantu Tadbir Undang-Undang) diminta untuk berhubung dengan pihak peguam untuk mendapatkan masa ketibaan peguam-peguam dari luar daerah jika terdapat kes-kes sedemikian di mahkamah tuan/puan.

4. Tuan/Puan diminta untuk memberik kerjasama untuk memastikan tidak terdapat masalah kepada peguam-peguam dan pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kes dalam melaksanakan arahan tersebut. Faktor-faktor tempatan hendaklah diambil kira agar sebarang kesulitan kepada semua pihak dapat dielakkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AZHAHARI KAMAL BIN RAMLI)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak,
Kuching.

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP